

13/09/2003

Cukai jalan motosikal bawah 150cc mansuh

MOTOSIKAL berkuasa tidak melebihi 150 cc dikecualikan cukai jalan mulai 1 Januari tahun depan bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengecualian itu mengurangkan beban kewangan golongan muda seperti pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta belia.

Kini, cukai jalan motosikal mengikut kuasa enjin iaitu RM50 bagi motosikal berkuasa kurang 75 cc, RM55 (75 - 100 cc) dan RM65 (101 - 150 cc) di Semenanjung dan RM12 hingga RM24 bagi motosikal berkuasa antara 75 hingga 150 cc di Sarawak.

Cukai jalan bagi motosikal berkuasa antara 151 hingga 200 cc ialah RM100 dan RM150 bagi kelas antara 151 hingga 250 cc di Semenanjung, manakala RM24 hingga RM36 bagi kuasa enjin antara 151 hingga 250 cc di Sarawak.

Motosikal berkuasa enjin antara 251 hingga 500 cc dikenakan cukai jalan RM200 bagi Semenanjung dan antara RM36 hingga RM60 di Sarawak.

Cukai jalan bagi motosikal berkuasa tinggi antara 501 dan 800 cc ialah RM300 bagi Semenanjung dan RM60 hingga RM90 di Sarawak serta RM400 bagi kuasa enjin dari 801cc dan ke atas di Semenanjung Malaysia dan lebih RM96 di Sarawak.

Di Sabah, cukai jalan bagi semua motosikal hanya RM50 setahun.

Perdana Menteri juga mengumumkan pengurangan cukai jalan 50 peratus bagi bas pekerja untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Pengurangan cukai bagi bas diesel berkuasa 5,000 cc ialah RM738 setahun berbanding RM1,476 setahun sebelum ini di Semenanjung, manakala di Sabah dan Sarawak ialah RM562 setahun daripada RM1,125 setahun.

Bagi bas petrol berkuasa 5,000 cc ialah RM553 setahun berbanding RM1,107 di Semenanjung, manakala di Sabah dan Sarawak ialah RM562 setahun daripada RM1,125.

Selaras dengan matlamat melahirkan masyarakat penyayang, kerajaan mengecualikan cukai jalan kereta, van dan motosikal yang di miliki orang kurang upaya tetapi tertakluk kepada beberapa syarat berkuat kuasa Januari depan.

Syarat itu adalah kereta, van dan motosikal buatan tempatan, pemohon berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, pemohon memiliki lesen memandu yang sah, kenderaan didaftar di bawah nama pemohon dan pengecualian itu diberi hanya pada satu kenderaan.

Kini cukai jalan bagi kereta dan van dikenakan pada kadar biasa untuk golongan itu, manakala motosikal beroda tiga RM1.

Beliau berkata, syarikat swasta digalakkan memberikan diskaun 50 peratus ke atas tambang perjalanan seperti diberikan Syarikat Prasarana Negara bagi membantu mengurangkan kos pengangkutan orang kurang upaya.

Bagi membolehkan lebih ramai orang kurang upaya yang bekerja dapat menikmati Elaun Pekerja Kurang Upaya RM200 sebulan, kerajaan mencadangkan had kelayakan siling pendapatan ditingkatkan daripada RM500 kepada RM750 sebulan.